



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 22 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN BERI JAMINAN BEKALAN BERAS CUKUP, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SKIM BAJA PERINTIS TINGKAT PENGELUARAN BERAS NEGARA, KOSMO -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2023	HARIAN METRO	ONLINE	

Kerajaan beri jaminan bekalan beras cukup



Datuk Seri Mohamad Sabu ketika hadir pada Program Santai Peladang Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Pemimpin Peladang di Hotel Royal Chulan. FOTO

Seremban: Kerajaan memberi jaminan bekalan beras mencukupi untuk keperluan rakyat di negara ini meskipun berkemungkinan bakal menghadapi kekangan daripada negara pengeksport.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata persiapan intensif sudah dan sedang dilakukan bagi memastikan bekalan beras tidak terganggu.

"Kita sedar sebarang kemungkinan boleh berlaku pada masa hadapan terutama jika negara pengeksport beras seperti India dan Vietnam mengurangkan kadar eksport.

"Justeru, kita kena buat persiapan awal dan intensif untuk mencukupkan beras di negara ini dengan meningkatkan infrastruktur berkaitan tanaman padi serta penggunaan jentera yang lebih baik.

"Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memainkan peranan proaktif dalam membantu kita memastikan bekalan beras mencukupi untuk keperluan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Santai Peladang Zon Tengah di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob. Mengulas lanjut, Mohamad berkata bekalan beras dipengaruhi faktor cuaca yang tidak menentu.

"Keadaan cuaca ini turut berlaku di negara pengeksport beras dan boleh mempengaruhi kadar eksport.

"Sebab itu, kementerian sentiasa memberi perhatian serius dalam aspek pengeluaran beras ini.

"Langkah diambil termasuk memulakan usaha tanaman padi ala Sekinchan di Kedah, Terengganu dan Pahang selain memperkenalkan baja tambahan melalui Skim Baja Perintis di mana petani akan terus mendapat baja yang telah sedia ada untuk tingkatkan pengeluaran," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad menggesa MARDI mencipta jentera pemotong padi yang lebih efisien supaya peratus padi cicir di sawah dapat diminimumkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/7/2023	KOSMO	ONLINE	

Skim Baja Perintis tingkat pengeluaran beras negara



Mohamad (tiga dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang merupakan pelabur tertinggi Zon Tengah bagi Skim Pelaburan Khas Peladang - Dana Peladang Kebangsaan (DPK) sehingga Jun tahun ini. Foto oleh MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN/KOSMO!

SEREMBAN – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperkenalkan Skim Baja Perintis melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran beras negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, insentif itu membolehkan para petani terus mendapat skim baja sedia ada dan akan ditambah dengan baja-baja tambahan lain.

“Untuk meningkatkan hasil padi di negara ini, kerajaan dan kementerian bukan saja akan memperbaiki infrastruktur pengairan, serta meneruskan bantuan input pertanian sedia ada melalui Nafas, tetapi kita juga akan memperkenalkan baja tambahan melalui Skim Baja Perintis.

“Kita akan perkenalkan segala kaedah baja baharu sebab itu ia dipanggil perintis termasuk baja organik, mikrob, foliar serta pelbagai jenis baja lain,” katanya pada sidang akhbar sempena Program Santai Peladang Bersama Pemimpin Peladang Zon Tengah 2023.

Mohamad berkata, masalah kekurangan beras merupakan isu serius dan perlu diberi perhatian sebelum negara pengimport seperti India dan Vietnam mengumumkan akan mengurangkan sumber beras ke negara ini.

“Kalau sampai negara yang kita import beras ini mencukupkan beras tempatan mereka (kurangkan import), kita kena buat insentif atau persediaan daripada sekarang, Nafas dan MARDI memainkan peranan dalam soal pembenihan dan baja berkualiti.

“Saya yakin semua usaha yang sedang kita gerakkan sekarang akan mula dilihat hasilnya dalam tempoh pentadbiran sekarang. Sebab itu, kestabilan kerajaan penting supaya semua usaha ini dapat berjalan dengan sempurna,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, agenda keterjaminan makanan kini bukan sahaja dipikul oleh KPKM tetapi juga kementerian lain bagi memastikan kita tidak terlalu bergantung kepada sumber import.

“Tekad kita dalam tempoh 10 tahun ini, negara akan mencapai 100 peratus tahap sara diri (SSL) khususnya bagi makanan asas seperti beras, ikan, ayam dan sayur-sayuran.

“Setelah melihat keupayaan Nafas dalam teknologi pembuatan baja, saya yakin Nafas akan terus memainkan peranan dalam pembekalan baja-baja berkualiti secara efektif pada masa hadapan selain terus membayar dividen kepada pemegang-pemegang saham yang rata-ratanya ahli peladang sendiri,” katanya.

Justeru, Mohamad berkata, dalam merealisasikan perancangan penanaman lima musim dua tahun, rangkaian Pertubuhan Peladang tidak akan dipinggirkan.

“Pertubuhan Peladang sudah pasti akan menjadi nadi bagi menggerakkan pelaksanaan projek ini bersama-sama jabatan dan agensi KPKM dalam merealisasikan hasrat kerajaan mentransformasikan industri padi negara,” katanya

Tambah Mohamad, beliau yakin jika Skim Sawah Berskala Besar (SBB), Tanaman Ala Sekinchan dan Projek Baja Pintar diperluaskan di kawasan tengah Semenanjung selepas ini, purata pemutuan padi akan dapat kita turunkan di bawah 15 peratus.

“MARDI juga diminta supaya mencipta jentera pemotong padi yang lebih efisien supaya peratusan padi cicir di sawah dapat kita minimumkan,” katanya lagi. – KOSMO! ONLINE